

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MASIR KUJAT
[SRI AMAN]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah yang diambil ke atas pesalah selepas ianya dikenal pasti pihak yang menembak jatuh Pesawat MH17 di Ukraine baru-baru ini.

JAWAPAN: **YB HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tindakan untuk menuntut keadilan atas tragedi pesawat MH17 sedang diambil secara bersesama (*jointly*) dengan pihak berkuasa negara lain yang mempunyai mangsa di atas pesawat MH17 itu. Dalam hal ini adalah penting untuk memastikan siasatan yang adil dan bebas dijalankan.
2. Sekiranya pihak yang bertanggungjawab dapat dikesan dan ditangkap, pendakwaan akan dijalankan dan penentuan tempat bagi perbicaraan bergantung sepenuhnya kepada tempat yang paling mudah (*forum of convenience*) untuk pendakwaan dijalankan. Isu tersebut masih terbuka untuk perbincangan dan hanya akan diputuskan setelah semua keterangan dikumpul dan dianalisis.

Sekian, terima kasih.